

## TAFES usaha kerajaan negeri memasyrakatkan isu denggi

SEPANG - Usaha memerangi isu denggi dalam kalangan rakyat terus diperhebat menerusi program Taska Free Aedes (TAFES).

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi berkata, program yang dianjurkan Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) itu bertujuan memasyrakatkan isu berkenaan selain memberi pendedahan dan pengetahuan kepada murid taska tentang bahaya denggi.

Menurutnya, murid-murid taska akan dibekalkan Kit Mesej Waspada Denggi melalui guru mereka.

"Ia bertujuan untuk menarik minat anak-anak ini bagi mempelajari asas demam denggi dengan mengetahui sifat, punca, cara mengatasi dan bahaya nyamuk aedes.

"Usaha ini memberi kesedaran bahawa gejala ini tak mampu dibanteras dengan hanya mengharapkan satu pi-

hak semata-mata. Hakikatnya ia perlukan tanggungjawab semua," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan TAFES di Dewan Serbaguna Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang.

Program tersebut turut diperhebat dengan pengenalan Superhero MPSepang dan Penyerahan Watikah Pelantikan Ahli Majlis Sebagai Pengerusi Denggi Zon.

Katanya lagi, MPSepang juga sebelum ini telah pun melaksanakan inisiatif dengan melancarkan beberapa program yang berkaitan antaranya *Dengue Action Community (DAC)*, *Dengue Action Kids (DAK)*, *Bas Sekolah Tanpa Aedes (Batas)*, *Tapak Bina Sejahtera (Tabas)* dan *Aedes BioBased Fuel (ABBF)* yang berjaya merangkul pingat emas dalam 45th International Invention Of Innovation Of Geneva selain tercatat dalam Malaysia Book Of Records serta menjuarai Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan.



Daroyah (drl) ketika merasmikan TAFES di Dewan Serbaguna Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang.

## Persimpangan bertingkat bakal dibina

DENGKIL - Hasrat penduduk Dengkil yang mahu flyover (persimpangan bertingkat) dibina di simpang empat Dengkil bakal direalisasikan apabila hebahen rasmi di sebuah papan tanda dinaikkan.

Adun Dengkil, Shahrum Mohd Sharif melalui kenyataan di laman sosial Facebooknya, dengan naiknya papan hebahen rasmi itu menandakan bermulanya kerja-kerja awal pembinaan persimpangan bertingkat berkenaan.

"Projek itu dijangka mengambil masa tiga tahun untuk disiapkan.

"Saya harap sangat ia dapat disiapkan mengikut jadual seterusnya dan bakal memberi kebaikan kepada semua pihak terutama pengguna jalan raya," katanya.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan rungutan penduduk mengenai trafik yang sesak di kawasan itu dan mencadangkan pihak berkenaan mencari jalan alternatif bagi mengurangkan kesesakan.



**KLIK** SENAMROBIK Sebahagian peserta Team Pelangi terlibat dalam aktiviti senamrobik sempena 1st Anniversary Team Pelangi di Dewan Jubli Intan, Kampung Olak Lempit. Hadir sama, Ketua Puteri Umno Bahagian Sepang, Siti Zubaidah Abu Bakar.

# Lima premis warga asing disita

Perniagaan dipercayai beroperasi tanpa lesen sejak awal tahun ini

BANDARSAUJANA PUTRA - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) menyita lima premis perniagaan yang dikendalikan oleh warganegara Bangladesh selepas dipercayai menjalankan perniagaan tanpa lesen sejak awal tahun ini.

Operasi Khas Sitaan Premis Perniagaan MDKL Warga Asing itu dilaksanakan dengan kekuatan 20 anggota MDKL termasuk dua pembantu penguat kuasa kementerian yang diketuai oleh Ketua Operasi, Mohd Hairul Nizam Salimin.

Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid berkata, pemantauan telah dilakukan sejak April 2017 dengan lima kali pemantauan dan risikan termasuk mengeluarkan notis sebelum operasi sitaan dijalankan.

Menurutnya, operasi yang dijalankan kira-kira jam 1.30 tengah hari 21 November lalu itu, turut mengenal pasti pengusaha menjalankan perniagaan jenis jualan makanan dan mengusahakan kedai runcit.

"Hasil siasatan, anggota kami telah berjaya merampas peralatan penyediaan makanan dan barangan runcit dalam operasi yang dijalankan terhadap dua premis kedai makan dan tiga premis kedai runcit di Bandar Saujana Putra.

"Barang-barang sitaan kemudi-

**INFO** • Operasi yang dijalankan berjaya merampas peralatan penyediaan makanan, barangan runcit

annya telah dihantar ke stor Pejabat Cawangan MDKL Bandar Saujana Putra untuk tindakan lanjut," katanya kepada pemberita dalam satu kenyataan media hari ini.

Mohamad Zain berkata, tindakan sitaan yang dilakukan meng-

ikut Undang-Undang Kecil 38 (1) Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan dan Perindustrian MDKL 2007 (premis perniagaan runcit) serta Undang-Undang Kecil 57 (1) Undang-Undang kecil Establishment Makanan MDKL 2007 (premis makanan dan minuman).

Katanya, pihaknya sentiasa menjalankan pemantauan dan mengenakan tindakan undang-undang terhadap mana-mana premis perniagaan yang diusahakan tanpa lesen bagi mengelakkan pelbagai masalah berkaitan.



Pegawai dan anggota penguat kuasa MDKL merampas peralatan penyediaan makanan dan barangan runcit dalam Operasi Khas Sitaan Premis Perniagaan MDKL membabitkan warganegara asing di Bandar Saujana Putra.